

**[ANALYSIS OF ZAKAT APPLICATION SCREENING PROCEDURES IN  
SELECTED STATES IN MALAYSIA]**

**ANALISIS PROSEDUR SARINGAN PERMOHONAN ZAKAT DI NEGERI-NEGERI  
TERPILIH DI MALAYSIA**

MOHAMMAD AZAM HUSSAIN<sup>1</sup>

ALIAS AZHAR<sup>1</sup>

MUHAMMAD HAFIZ BADARULZAMAN<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

\*Corresponding Author hmazam@uum.edu.my

Received Date: 15 May 2021 • Accepted Date: 15 June 2021

**Abstract**

The existence of cases of fraud in the application for zakat assistance is due to the community who want to take advantage through falsification of documents and qualifications. This issue can cause zakat fund assistance to fall into the hands of those who are not eligible, thus denying the asnaf who are more entitled not to receiving their rights. The question that can be raised is, are there any specific policies and procedures related to the screening process and selection of asnaf? Is there a policy or law that regulates the screening process in ensuring the validity of the applicant as a qualified asnaf? What is the practice and approach of the state zakat institutions to ensure the screening and monitoring process to determine the authenticity status of the asnaf? By sampling the administration of zakat in five selected states, namely Kedah, Penang, Perak, Selangor and Negeri Sembilan, the study found that the screening procedure is the most important step in ensuring that each asnaf is truly eligible to receive zakat. In addition, the criteria and eligibility as a zakat applicant can be identified more systematically without the occurrence of dropouts or room for fraudulent eligibility. Specific and orderly procedures in the asnaf eligibility screening process are also able to provide added value in the framework of the transformation of the governance of zakat institutions in Malaysia, especially in the aspect of distribution of zakat funds to asnaf as enshrined in the Qur'an.

**Keywords:** zakat distribution, zakat Asnaf, zakat administration, zakat screening, zakat law.

**Abstrak**

Wujudnya kes-kes penipuan dalam permohonan bantuan zakat adalah disebabkan terdapat kalangan masyarakat yang mahu mengambil kesempatan melalui pemalsuan dokumen dan kelayakan. Isu ini boleh menyebabkan bantuan dana zakat jatuh ke tangan orang yang tidak layak, sekaligus menafikan golongan asnaf yang lebih berhak tidak menerima haknya. Persoalan yang boleh ditimbulkan ialah, adakah wujud polisi dan prosedur khusus berkaitan proses saringan dan pemilihan asnaf? Apakah wujud polisi atau undang-undang yang mengawalselia proses saringan

dalam memastikan kesahihan pemohon adalah *asnaf* yang layak? Bagaimana amalan dan pendekatan institusi zakat negeri-negeri bagi memastikan proses saringan dan pemantauan bagi menentukan status keaslian *asnaf*? Dengan menjadikan sampel pentadbiran zakat di lima buah negeri terpilih iaitu negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan, kajian mendapati prosedur saringan merupakan langkah terpenting dalam memastikan setiap *asnaf* yang benar-benar layak menerima zakat. Di samping itu, kriteria dan kelayakan sebagai pemohon zakat dapat dikenal pasti secara lebih sistematik tanpa berlaku keciciran atau ruang penipuan kelayakan. Prosedur khusus dan teratur dalam proses saringan kelayakan *asnaf* juga mampu memberi nilai tambah dalam kerangka transformasi tadbir urus institusi zakat di Malaysia khususnya dalam aspek agihan dana zakat kepada *asnaf* sebagaimana yang telah termaktub di dalam al-Qur'an.

**Kata kunci:** agihan zakat, Asnaf zakat, pentadbiran zakat, saringan zakat, undang-undang zakat.

**Cite as:** Mohammad Azam Hussain, Alias Azhar & Muhammad Hafiz Badarulzaman. 2021. [Analysis of Zakat Application Screening Procedures in Selected States in Malaysia] Analisis Prosedur Saringan Permohonan Zakat di Negeri-Negeri Terpilih di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(2): 129-140.

## PENGENALAN

Umumnya *asnaf* yang berhak sebagai penerima zakat telah ditetapkan oleh al-Qur'an melalui ayat 60, surah al-Taubah, iaitu sebanyak lapan golongan:

- (i) Fakir
- (ii) Miskin
- (iii) 'Amil
- (iv) Muallaf
- (v) Riqab
- (vi) Gharimin
- (vii) Fisabillillah
- (viii) Ibnu Sabil.

Hasil kutipan zakat perlulah diagihkan kepada penerima daripada kategori di atas sahaja. Tidak kepada selain daripada kategori tersebut.

Bagi memastikan kesahihan pemohon sebagai *asnaf* yang layak untuk menerima bantuan zakat, amat penting prosedur saringan *asnaf* diberikan penekanan. Memperkasakan tadbir urus zakat amnya dan prosedur saringan pemilihan *asnaf* khususnya juga dilihat sebagai suatu bentuk pemerkasaan pengurusan zakat di Malaysia. Ini adalah kerana, zakat merupakan suatu mekanisme pembangunan ekonomi yang berbentuk global dan bersifat manusawi. Selari dengan prinsip *maqasid shariah* dalam agihan zakat itu yang antaranya adalah berjaya membantu ekonomi *asnaf* penerima zakat. Bahkan zakat yang diberikan berupaya mengeluarkan *asnaf fakir* dan *miskin* daripada senarai penerima bantuan zakat malah bertukar menjadi pembayar zakat.

Aspek pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia telah bermula semenjak zaman kolonial dan tidak ditadbir secara formal. Setelah merdeka, pentadbiran dan pengurusan agama

termasuk zakat berada di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Abdul Wahab & Borhan, 2015). Secara keseluruhan, terdapat sejumlah empat belas buah MAIN. Di peringkat awal pentadbiran zakat, MAIN bertanggungjawab dalam pentadbiran zakat meliputi aspek kutipan dan agihan (Dollah & Mohd Noor, 2009). Perkembangan selanjutnya memperlihatkan MAIN telah mewujudkan pusat atau jabatan mahupun lembaga dalam melaksanakan proses kutipan dan agihan.

Perkembangan mutakhir memperlihatkan beberapa institusi pentadbiran zakat telah dikorporatkan dan menjadi sebuah institusi yang bertanggungjawab penuh terhadap kutipan dan agihan zakat di sebahagian negeri tertentu agar kutipan dan agihan dana zakat menjadi lebih cekap dan berkesan. Lapan institusi zakat dalam MAIN telah dikorporatkan bermula dengan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan pada tahun 1991; Pusat Zakat Selangor, Pahang dan Pulau Pinang pada tahun 1995; Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan dan Melaka pada tahun 2000; Tabung Baitulmal Sarawak pada tahun 2001; dan Pusat Zakat Sabah tahun 2007. Perspektif undang-undang zakat pula memperlihatkan, Terengganu adalah negeri pertama yang melaksanakan pengeluaran zakat harta dan zakat fitrah melalui Majlis Hal Ehwal Ugama Negeri. Manakala Kelantan merupakan negeri pertama yang menyediakan peraturan zakat dan fitrah melalui Notis Zakat Kelantan bertarikh 1907. Kini, semua negeri mempunyai peruntukan berkaitan dengan undang-undang zakat masing-masing. Perbezaan hanyalah samada peruntukan-peruntukan itu terkandung dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negeri atau undang-undang khusus untuk mentadbir urusan zakat. Umpamanya bagi negeri Perlis, terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Perak (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004) dan Pulau Pinang (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004). Manakala Kedah pula terkandung di dalam Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015.

Hampir kesemua enakmen mempunyai peruntukan yang sama dari sudut bidang kuasa MAIN dalam pentadbiran dan pengurusan zakat. Dalam hal ini MAIN adalah berkuasa untuk memungut zakat dan *fitrah* yang wajib dibayar oleh setiap orang Islam di negeri terbabit mengikut hukum Syarak bagi pihak DYMM Tuanku Sultan atau DYMM Yang di-Pertuan Agung mengikut negeri masing-masing (Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 86; Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, seksyen 75; Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 86). Bagi negeri Kedah, Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 telah memberikan kuasa kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (Badarulzaman, Azhar & Md Ismail, 2015).

Tidak dinafikan, banyak kajian telah dijalankan terutamanya dalam aspek pengurusan zakat seperti kutipan dan agihan zakat. Hal ini menunjukkan betapa instrumen zakat sangat diberikan perhatian bagi membantu golongan *asnaf* meningkatkan taraf hidup dan seterusnya menjadi pembayar zakat di masa hadapan. Buang (2006) contohnya telah menggariskan beberapa asas pengurusan zakat yang telah disebut di dalam al-Qur'an dan *hadith* seperti berlaku keadilan dalam pungutan zakat; memudahkan pungutan zakat; jumlah dan kaedah bayaran hendaklah jelas dan tepat; harta yang dipungut bukan dari harta yang paling disukai; pihak pengurusan zakat berilmu dan berkelayakan; wujud badan yang mengawasi pengurusan zakat; mempercepatkan agihan; '*amil*' wajib menjalankan tugas dengan tegas; serta menggalakkan muslim membayar zakat melalui nasihat dan kempen.

Kesemua asas pengurusan ini telah diamalkan oleh institusi-institusi zakat bagi memastikan pengurusan zakat berjalan dengan baik dan efisien. Dari aspek inovasi dan cadangan bagi meningkatkan kutipan zakat, pelbagai kajian telah dijalankan oleh beberapa penyelidik bagi membantu institusi zakat meningkatkan kutipan zakat. Antaranya seperti kajian pengkorporatan institusi zakat (Md. Nor, et al., 2001); kesedaran masyarakat terhadap pembayaran harta yang *diikhtilaf* (Ahmad & Wahid, 2004); keberkesanan pengurusan zakat oleh institusi formal (Ahmad, Wahid & Mohamad, 2006); penguatkuasaan undang-undang pembayaran zakat (Md. Idris, 2006); meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat termasuklah kumpulan pekerja profesional (Mohd Nor, Wahid & Md Nor, 2004); dan juga penggunaan kaedah bayaran zakat pendapatan melalui skim potongan gaji kakitangan (Wahid, Ahmad & Mohd Noor, 2007).

Dalam pengagihan zakat, banyak kriteria yang perlu dilihat untuk memastikan seseorang itu adalah tergolong dalam *asnaf* yang layak menerima zakat. Bukan sahaja sekadar dengar cakap tanpa siasatan, tetapi penelitian harus dilakukan bagi memastikan pengagihan adalah kepada individu yang benar-benar layak sebagai *asnaf* penerima zakat. Pengukuran adalah dilihat berdasarkan pengiraan *had kifayah* (had kecukupan) iaitu satu pengiraan dan pengukuran asas untuk menentukan seseorang itu termasuk dalam kategori *asnaf (fakir dan miskin)*. Pengiraan setiap negeri adalah berbeza dan terdapat banyak aspek lain yang dilihat untuk membolehkan serta memastikan keperluan sebenar pemohon diambil kira bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah memenuhi kriteria *asnaf*.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan yang menggarap aspek kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini berasaskan kepada data primer dan juga sekunder. Data primer yang digunakan terdiri daripada undang-undang dan polisi-polisi yang berkaitan dengan pentadbiran zakat di negeri-negeri di Malaysia. Juga data daripada kajian lapangan iaitu temubual. Selain itu, meliputi juga laporan rasmi, teks fatwa, dokumen terbitan awam berkaitan agihan dan hebahan zakat dan lain-lain yang dikeluarkan oleh institusi-institusi zakat. Manakala data sekunder diperoleh daripada sumber seperti buku, jurnal dan artikel termasuk bahan-bahan percetakan yang berkaitan dengan pentadbiran zakat di Malaysia.

Kaedah pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan telah digunakan. Kajian kepustakaan melibatkan undang-undang, peraturan dan dasar yang digunakan oleh institusi-institusi zakat dalam pentadbiran zakat di Malaysia. Kajian lapangan pula dilakukan melalui kaedah temubual separa struktur dengan responden yang terdiri daripada pentadbir-pentadbir zakat di negeri-negeri yang telah dipilih.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak dengan memilih lima buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Pihak berkuasa zakat di negeri-negeri terbabit merupakan responden dalam penyelidikan ini. Di peringkat Persekutuan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia adalah merupakan responden tunggal peringkat Persekutuan. JAWHAR adalah institusi yang bertindak sebagai penyelaras aktiviti-aktiviti keagamaan termasuklah zakat di Malaysia.

Data-data yang dikumpul kemudian dianalisa dengan menggunakan pendekatan kaedah

induktif, deduktif dan komparatif. Bagi meneliti prosedur saringan dan pemilihan *asnaf* berdasarkan amalan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia, kaedah analisis kandungan telah dipilih. Kaedah analisis perbandingan pula melibatkan perbandingan prosedur dan kaedah saringan serta pemilihan *asnaf* telah dilakukan terhadap responden-responden kajian.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian yang telah dijalankan ini, telah menghasilkan beberapa dapatan sebagaimana berikut:

### Pentadbiran Zakat Negeri-negeri

Zakat adalah termasuk dalam hal ehwal agama dan pentadbirannya adalah berada di bawah bidang kuasa negeri-negeri sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan – Senarai II). Berdasarkan kepada lima buah negeri yang dipilih, dapat diperhatikan bahawa aspek pentadbiran zakat adalah sama ada terletak di bawah MAIN atau institusi lain, atau gabungan antara MAIN dan institusi lain.

Di Kedah, Pulau Pinang dan Selangor, aspek pentadbiran zakat melibatkan urusan kutipan dan agihan adalah diuruskan oleh institusi lain. Di Kedah, institusi yang bertanggungjawab ialah Lembaga Zakat Negeri Kedah, Pulau Pinang (Zakat Pulau Pinang) dan Selangor (Lembaga Zakat Selangor). Manakala di Perak, urusan kutipan dan agihan zakat adalah diuruskan oleh Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak. Di Negeri Sembilan pula, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) adalah bertanggungjawab dalam hal ehwal zakat. Namun, kutipan adalah diuruskan oleh anak syarikat iaitu oleh Pusat Kutipan Zakat Negeri Sembilan. Manakala urusan agihan adalah oleh MAINS sendiri.

Berdasarkan kepada fenomena pentadbiran zakat di negeri-negeri ini, dapat diperhatikan berlakunya perubahan pentadbiran zakat daripada asalnya ditadbir oleh MAIN meliputi aspek kutipan dan agihan telah berubah kepada pentadbiran dilakukan oleh institusi lain yang terpisah daripada MAIN atau oleh anak syarikat MAIN itu sendiri. Perubahan aspek pentadbiran ini adalah bertujuan membolehkan urusan kutipan dan agihan dilakukan dengan lebih efektif iaitu hanya menumpukan kepada aspek zakat semata-mata. Justeru MAIN boleh memberi tumpuan kepada pentadbiran hal ehwal Islam selain daripada urusan zakat. Pendekatan mengkorporatkan institusi zakat untuk urusan kutipan dan agihan adalah merupakan suatu langkah yang sangat baik dalam memajukan aspek kutipan dan agihan zakat yang lebih berfokus.

### Undang-undang dan Dasar Penentuan Kelayakan dan Kriteria Asnaf

Kajian yang telah dilakukan ini memperlihatkan bahawa setiap negeri mempunyai undang-undang yang menjadi punca kuasa kepada pentadbiran zakat di negeri-negeri yang terpilih. Punca kuasa ini adalah penting bagi membolehkan polisi-polisi dan dasar-dasar berkaitan dengan pentadbiran zakat digubal oleh pihak berkuasa zakat negeri-negeri.

Bagi negeri Kedah, Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah 2015 adalah merupakan statut utama. Manakala bagi Pulau Pinang adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Perak, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Negeri

Sembilan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, dan Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Enakmen-enakmen inilah yang memberikan kuasa kepada MAIN bagi tujuan pentadbiran zakat di negeri-negeri terpilih.

Selain daripada itu, terdapat rujukan-rujukan lain yang dijadikan asas dalam menentukan kelayakan dan kriteria asas. Di Kedah, Fatwa Zakat Negeri Kedah dan Buku Agihan turut dijadikan panduan. Demikian juga di Perak, berdasarkan Peraturan-peraturan Zakat 1975. Fatwa Zakat Negeri Selangor turut dijadikan asas di Selangor. Manakala di Negeri Sembilan, Manual daripada JAWHAR dan Garis Panduan Tadbir Urus Zakat Negeri Sembilan juga dijadikan sandaran rujukan.

### **Kelayakan dan Kriteria Asnaf**

Secara umumnya dapat diperhatikan bahawa setiap negeri yang dipilih mempunyai kriteria untuk menentukan sama ada pemohon merupakan *asnaf* yang layak menerima bantuan zakat atau tidak. Bagi negeri Kedah, asas utama pembahagian adalah berdasarkan kepada *Maqasid al-Syariah*. Manakala syarat *asnaf* secara umum dan syarat khusus dinyatakan secara berasingan mengikut kategori permohonan.

Bagi Pulau Pinang, kriteria pertimbangan meliputi:

- (a) Beragama Islam
- (b) Warganegara Malaysia
- (c) Bermastautin di Pulau Pinang sekurang-kurangnya 3 tahun
- (d) Pendapatan keluarga tidak mencukupi *had kifayah*
- (e) Tidak menerima bantuan dari mana-mana pihak atau telah menerima bantuan tetapi masih belum mencukupi.

Kriteria pertimbangan di Perak pula adalah:

- (a) Beragama Islam
- (b) Warganegara Malaysia (kecuali *ibnu sabil*);
- (c) Bermastautin di negeri Perak
- (d) Tergolong dalam *asnaf fakir / miskin / muallaf / ibnu sabil / fi sabillah / ghorimin* (tertakluk *had kifayah*)
- (e) Tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak / agensi.

Di Selangor dipertimbangkan kriteria-kriteria berikut:

- (a) Kelayakan pemohon berdasarkan *had kifayah*. Sekiranya kelayakan pemohon melebihi *had kifayah*, ‘amil mesti mengambil kira kesukaran lain bagi pemohon jika ada untuk turut dipertimbangkan
- (b) Status pekerjaan pemohon iaitu sama ada tetap atau sementara
- (c) Pemohon atau ahli keluarga menghadapi masalah kesihatan kronik, sakit yang memerlukan kos rawatan berterusan atau kecacatan anggota yang menghalang daripada

- bekerja secara aktif
- (d) Pemohon berumur lanjut atau tidak berupaya bekerja
  - (e) Pemohon menanggung anak yang ramai
  - (f) Ibu bekerja atau bapa tunggal yang memerlukan tambahan kos penjagaan anak-anak semasa bekerja
  - (g) Lain-lain kesusahan yang dikenalpasti.
- Akhirnya di Negeri Sembilan, kriteria pertimbangan meliputi:
- (a) Permohonan mestilah dibuat atas nama ketua keluarga
  - (b) Perlu mengisi borang dengan jelas dan lengkap menggunakan huruf besar
  - (c) Permohonan yang tidak jelas/tidak lengkap/mengandungi maklumat palsu akan ditolak;
  - (d) Pemohon mestilah bermastautin di Negeri Sembilan tidak kurang setahun
  - (e) Pendapatan kurang atau tidak melepas *had kifayah*
  - (f) Permohonan mestilah mendapat pengesahan jawatankuasa masjid tempat tinggal pemohon.

Berdasarkan kepada kriteria-kriteria di atas, dapat diperhatikan bahawa setiap negeri mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu dalam menentukan *asnaf* yang layak untuk menerima zakat. Kriteria-kriteria ini akan menjadi penentu sama ada sesuatu permohonan bantuan zakat itu adalah berkelayakan dan termasuk dalam mana-mana kategori *asnaf* zakat yang lapan. *Had kifayah* adalah merupakan asas penentuan melayakkan seseorang sebagai penerima zakat yang dipraktikkan di semua negeri. Namun begitu, *had kifayah* dilihat bukanlah semata-mata kriteria yang digunakan. Kriteria-kriteria lain juga dijadikan asas pertimbangan kelayakan seseorang untuk menerima zakat. Secara umumnya, kriteria-kriterianya adalah sama. Namun terdapat sedikit perbezaan umpamanya di Negeri Sembilan yang menetapkan bahawa permohonan mestilah mendapat pengesahan daripada Jawatankuasa Masjid tempat tinggal pemohon. Selangor dilihat menjelaskan syarat-syarat dengan terperinci berbanding negeri-negeri yang lain.

### **Prosedur Permohonan dan Dokumentasi**

Kajian yang dilakukan ke atas lima buah negeri ini juga memperlihatkan bahawa setiap permohonan bantuan zakat perlu mengikuti prosedur yang telah ditetapkan terutamanya penggunaan borang permohonan. Setiap permohonan mestilah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan untuk kesahihah butiran pemohon seperti salinan kad pengenalan, salinan sijil perceraian, salinan sijil kematian pasangan dan lain-lain lagi dokumen yang berkaitan. Selain itu elemen penting lain yang diperlukan adalah berkaitan dengan tanggungan dan juga butiran kewangan (pendapatan) sedia ada.

Justeru setiap pemohon harus teliti dalam mengisi borang permohonan dengan makumat yang tepat serta menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan dengan lengkap untuk mengelakkan kelewatan proses ataupun permohonan ditolak. Kegagalan mengisi borang dengan jelas atau kekurangan dokumen sokongan boleh menyebabkan permohonan ditolak atau dikembalikan kepada pemohon agar melengkapkan butiran yang diperlukan atau menyediakan

dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan. Secara tidak langsung, ini boleh menjelaskan kelancaran proses permohonan bantuan zakat.

### **Proses Saringan dan Siasatan**

Kajian yang dilakukan ini juga menjelaskan bahawa, setiap permohonan bantuan zakat yang diterima oleh pihak berkuasa zakat akan disaring terlebih dahulu. Ini bermakna, setiap bantuan yang dipohon itu tidak sewenang-wenangnya diluluskan. Ini penting bagi memastikan pemohon adalah tergolong dalam kategori *asnaf* yang layak menerima zakat.

Di Kedah, siasatan yang dijalankan adalah bergantung kepada bergantung kepada jenis/amaun permohonan bantuan. Sekiranya permohonan melibatkan bantuan perumahan, siasatan adalah wajib termasuklah siasatan lapangan. Namun sekiranya amaun permohonan adalah kecil, siasatan akan dilakukan melalui panggilan telefon sahaja. Manakala di Pulau Pinang, bagi bantuan perumahan, akan dilakukan siasatan lapangan bagi mengesahkan status pemilikan tanah. Manakala untuk permohonan dalam talian, pemohon akan dihubungi melalui telefon untuk mendapatkan dokumen lengkap. Di Perak, maklum balas pihak Penghulu Mukim atau Jawatankuasa Masjid secara lisan adalah diperlukan. Siasatan lapangan diperlukan bagi permohonan untuk bantuan membina atau membaik pulih rumah. Demikian juga siasatan dilakukan terhadap pemohon yang tidak bergaul dengan masyarakat setempat serta tidak dikenali pemimpin setempat.

Sementara itu di Selangor, diwujudkan dua kaedah dalam menentukan kelayakan bantuan di Zakat Selangor iaitu;

(a) Bantuan Dengan Siasatan (BDS)

BDS memerlukan siasatan pegawai ke rumah pemohon. Kebiasaannya jenis bantuan yang memerlukan siasatan ke rumah melibatkan kelayakan *asnaf fakir* dan *miskin*. Namun terdapat juga kes yang memerlukan siasatan ke rumah selain dari kelayakan *asnaf fakir* dan *miskin*. Ini melibatkan kes-kes yang memerlukan maklumat terperinci berkaitan pemohon. Kebiasaannya, antara maklumat yang diambil ketika siasatan ke rumah adalah:

- (i) Mengesahkan alamat tempat tinggal diduduki oleh pemohon
- (ii) Melihat keadaan semasa pemohon
- (iii) Mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam borang

(b) Bantuan Tanpa Siasatan (BTS)

BTS pula melibatkan permohonan yang tidak memerlukan pegawai untuk membuat siasatan ke rumah. Tetapi dengan syarat, permohonan mesti lengkap dan semua bukti yang disahkan mesti dilampirkan bersama borang.

Di Negeri Sembilan, siasatan dilakukan melalui kajian lapangan untuk *asnaf fakir* dan *miskin* berasaskan *had kifayah*. Kelayakan berdasarkan *had kifayah* dan *maslahah* atau keperluan sebenar pihak pemohon. Disebabkan ada perkara yang tidak dinyatakan secara

dokumen seperti masalah bersifat dalaman sebagai contoh anak ramai tetapi tiada kalangan anak-anak yang membantu ibu bapa. Keputusan adalah berdasarkan siasatan pegawai dan juga makluman daripada pemimpin masyarakat setempat seperti Jawatankuasa Masjid. Bagi permohonan yang ada elemen mencurigakan, amat penting dilakukan siasatan secara langsung ke rumah pemohon.

Dapatkan ini menjelaskan bahawa, siasatan semasa proses saringan dilakukan adalah merupakan amalan setiap di setiap negeri bagi memastikan kesahihan setiap permohonan dan layak dikategorikan sebagai *asnaf* yang layak menerima bantuan zakat. Demikian juga dengan siasatan di lapangan turut dilakukan terutamanya melibatkan bantuan perumahan. Selain itu bagi permohonan dalam talian, siasatan dilakukan dengan meminta dokumen-dokumen yang perlu bagi pengesahan sebelum keputusan dibuat samada layak atau tidak menerima bantuan zakat. Daripada dapatan di atas dapat disimpulkan bahawa agihan zakat kepada *asnaf* bukanlah sekadar berdasarkan permohonan semata-mata. Aspek siasatan merupakan elemen penting bagi memastikan kesahihan kelayakan setiap permohonan dan pemohon itu adalah layak dipertimbangkan untuk bantuan zakat. Secara tidak langsung, elemen siasatan ini memperlihatkan ketelusan pihak berkuasa zakat dalam menyaring, menyiasat dan membuat keputusan dalam agihan zakat kepada *asnaf* yang layak.

### **Proses Pemantauan dan Pemutihan Asnaf**

Di antara perkara penting berkaitan dengan proses saringan juga adalah selepas daripada bantuan zakat diluluskan kepada pemohon. Bagi bantuan zakat yang diluluskan untuk sekali sahaja, proses pemantauan dan pemutihan *asnaf* adalah tidak diperlukan. Namun begitu, bagi bantuan zakat yang berterusan, proses saringan bagi tujuan pemantauan dan pemutihan juga dilakukan oleh pihak berkuasa zakat negeri-negeri. Proses pemantauan dan pemutihan *asnaf* ini penting agar pihak berkuasa zakat dapat membuat penilaian semula (saringan) samada bantuan yang diterima oleh *asnaf* itu perlu diteruskan atau tidak perlu lagi bantuan diberikan.

Kajian mendapati, kelima-lima negeri melakukan proses pemantauan dan pemutihan *asnaf* yang menerima bantuan secara berterusan. Namun berlaku perbezaan dari segi kekerapan tempoh pemantauan dan pemutihan dilakukan. Majoriti institusi melakukan pemantauan secara berkala. Hanya di Negeri Sembilan, pemantauan dilakukan sekali dalam tempoh setahun. Manakala pemutihan juga wujud perbezaan dari segi amalan antara institusi-institusi. Di negeri Kedah dan Perak, pemutihan dilakukan selepas setahun. Manakala di Pulau Pinang, pemutihan dilakukan tiga bulan sebelum tamat tempoh bantuan. Di Selangor pula, adalah antara enam hingga dua belas bulan. Hanya di Negeri Sembilan, pemutihan dilakukan selepas dua tahun.

### **KESIMPULAN**

Setiap permohonan zakat akan dinilai melalui tapisan *had kifayah* yang menjadi asas pertimbangan dan keputusan pihak berkuasa zakat sebelum kelulusan agihan. Namun begitu, faktor-faktor lain juga diambil kira dalam pertimbangan untuk sesuatu kelulusan. Aspek siasatan dan saringan adalah sesuatu yang sangat penting bagi mengesahkan pemohon adalah layak dan tergolong dalam mana-mana *asnaf* yang telah ditetapkan oleh nas Syarak. Tidak

semua permohonan memerlukan siasatan ke lapangan dan bukan semua pegawai zakat perlu ke lapangan untuk membuat siasatan. Cara siasatan bergantung pada jenis bantuan dan maklumat yang diperolehi. Begitu juga, kaedah pemantauan dan proses pemutihan turut dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan kebajikan dan status kelayakan semasa asnaf dapat dikemaskini.

Para penyelidik menggariskan cadangan amalan terbaik bagi prosedur saringan bertujuan mengimbangi antara elemen *al-Haq* dan *al-Raqabah*. Justeru, kajian ini mencadangkan agar prosedur saringan dibahagikan kepada tiga fasa dalam kerangka prosedur saringan dan pemilihan *asnaf* seperti berikut:

### **Fasa Pertama: Fasa Permohonan**

1. Menyediakan saluran permohonan yang pelbagai sama ada secara langsung melalui kaunter atau dalam talian.
2. Borang permohonan yang ringkas tetapi dengan perincian maklumat yang asas serta menyeluruh.
3. Pengesahan maklumat perlu dibuat daripada kalangan berotoriti seperti pimpinan *qaryah* dan majikan serta pihak kesihatan yang memahami konsep umum bantuan zakat.
4. Dokumen sokongan hanya diperlukan bagi permohonan khusus seperti perubatan dan termasuk juga melibatkan amaun bantuan yang besar seperti perumahan.
5. Kadar bantuan dengan formula yang jelas untuk bentuk bantuan kewangan sekaligus dan bulanan.
6. Sistem maklumat dan data yang lengkap dan terkini bagi memudahkan semakan silang, selain kerjasama pintar dengan agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat.

### **Fasa Kedua: Fasa Siasatan**

1. Proses siasatan melibatkan seorang pegawai penyiasat dan permohonan dengan nisbah 1:5 adalah sesuai bagi menyempurnakan proses siasatan yang dijalankan.
2. Kriteria pemerhatian pegawai penyiasat secara fizikal melalui pendapatan isi rumah dan perbelanjaan keluarga; tanggungan ahli keluarga yang sakit kronik dan anak-anak yang belajar; miskin bandar (aspek fizikal seperti lokasi rumah); dan bentuk pendapatan dan pekerjaan secara tetap atau kontrak.
3. Fakir dan miskin perlu siasatan lapangan kerana memerlukan bantuan bulanan dan juga bantuan-bantuan lain termasuk pendidikan anak-anak.
4. Ziarah atau siasatan bulanan untuk memastikan alamat semasa.
5. Semakan semula hasil siasatan seperti gambar dan dokumen sebelum kelulusan dibuat.
6. Kaedah pelaporan yang berkesan melalui para petugas terlatih yang mampu memberikan penilaian berdasarkan konsep “*al-‘Adlu wa al-Ihsan*”.

### **Fasa Ketiga: Fasa Pemantauan**

1. Membentuk unit khas pemantauan bagi proses pemutihan kalangan *asnaf* sedia ada.
2. Kerjasama unit pemantauan dan siasatan amat baik bagi memastikan usaha yang lebih

- efektif dan menjimatkan guna tenaga sumber manusia.
3. Tempoh pemantauan untuk semakan semula kelayakan adalah dua tahun dengan tempoh menunggu tiga bulan bagi proses pemutihan yang berkesan.
  4. Kajian dan penyelidikan impak dan keberkesanan bantuan zakat dalam mengubah status sosial *asnaf* perlu dilaksanakan secara berkala.
  5. Program pembangunan *asnaf* perlu merangkumi aspek psikologi dan motivasi agar mampu merubah pemikiran kalangan anak-anak *asnaf*.
  6. Usaha menyantuni *asnaf* harus bersifat mendidik tentang kepentingan umat Islam memperkasakan ekonomi diri dan keluarga agar mampu menyumbang kembali atau berubah status daripada penerima zakat kepada “*muzakki*”.

Justeru, melalui cadangan-cadangan yang dikemukakan ini, dilihat akan berupaya menambah baik proses saringan sedia ada dan berupaya menjawab persoalan dan keraguan masyarakat terhadap ketelusan pihak berkuasa zakat negeri-negeri dalam agihan dana zakat kepada *asnaf* yang layak. Secara tidak langsung ia juga berupaya mewujudkan keseragaman amalan saringan oleh pihak berkuasa zakat di negeri-negeri di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan di bawah Geran Agensi Luar (Dalam Negara) Awam yang dibiayai oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah.

## RUJUKAN

- Abd Wahab, A. & Borhan, J.T. 2015. Analisis Prestasi Kutipan Zakat di Malaysia. Dalam. Ali, N.A., Che Seman, A. & Mohamad, T.M. (pnyt.). *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Ahmad, S. & Wahid, H. 2004. Persepsi dan Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf. *Seminar Halatuju Zakat Korporat Alaf Baru*, hal. 45–65.
- Ahmad, S., Wahid, H. & Mohamad, A. 2006. Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13(2): 175-196.
- Badarulzaman, M.H., Azhar, A. & Md Ismail, C.T. 2015. Pengurusan Zakat Perbankan di Jabatan Zakat Negeri Kedah : Satu Tinjauan. *Prosiding UUM International Legal Conference 2015*, Sintok: UUM Press.
- Buang, A.H. 2006. Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Insentif Membayar Zakat. Dalam. Ismail, A.G. & Muji Tahir, H. (pnyt.). *Zakat - Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Dolah, A. & Mohd Noor, A.H. 2009. Kaitan Zakat dan Cukai di Malaysia. Dlm. Mohd. Noor, A.H., Md. Saleh, A. & Nordin, R. (pnyt.). *Pengintegrasian zakat & cukai di Malaysia: Menerajui Kecemerlangan Zakat*. Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

- Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006.
- Md Idris, K. 2006. Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. Dlm. Ismail, A.G. & Muji Tahir, H. (pnyt.). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*. Bangi. Penerbit UKM.
- Md Nor, N.G., Majid, M., Ahmad, J. & Ismail, N. 2001. Can Privatization Improve Performance? Evidence from Zakat Collection Institutions. *Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam*. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nor, M.A., Wahid, H. & Md Nor, N.G. 2004. Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat*, 26(2): 59 - 67.
- Peraturan-peraturan Zakat 1975.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Mohd Noor, M.A. 2007. Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* 29: 53-70.